

RUKUN NEGARA TERAS PERPADUAN NASIONAL

Rukun Negara diisytiharkan setahun selepas tragedi 13 Mei 1969 oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan Hari Kebangsaan ke-13.

Rukun Negara dirangka melalui hasil rundingan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang mendukung lima prinsip sebagai tiang seri dan panduan hidup masyarakat majmuk negara ini, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.

Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rukun Negara menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk, iaitu mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta masyarakat yang adil yakni kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak serta membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Memandangkan negara kita tidak pernah sunyi dengan pelbagai isu dan

insiden yang "menggoncang" jambatan perpaduan sedia ada, maka wajar Rukun Negara yang diangkat sebagai ideologi kebangsaan dijadikan teras untuk terus memperkukuh tahap perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk negara ini. Selepas 53 tahun diperkenalkan dan memasuki usia 66 tahun kemerdekaan, Rukun Negara dilihat masih signifikan dan relevan untuk dijadikan kunci utama yang mampu menyatupadukan anggota masyarakat.

Harus diingat pelbagai statistik dan hasil laporan yang didedahkan oleh pihak berkuasa menunjukkan bahawa masalah perpaduan yang berkaitan dengan isu sensitif seperti penghinaan terhadap agama, kaum dan institusi diraja atau lebih sinonim dengan label 3R terus menjadi duri dalam daging di negara ini. Misalnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka sebanyak 23 kertas siasatan melibatkan kes 3R bagi tempoh 22 Mac lalu hingga 17 Mei dengan 11 kes daripadanya berkaitan dengan penghinaan terhadap institusi diraja, empat membabitkan agama dan lima berbaur elemen perkauman. Malah pihak polis juga dilaporkan telah merekodkan lebih daripada 180 kes membabitkan kes penghinaan terhadap

institusi diraja sejak tahun 2020 hingga penghujung 2022.

Hal ini dengan jelas menggambarkan bahawa sesetengah anggota masyarakat semakin berani menyentuh isu-isu sensitif walaupun sedar hal tersebut boleh mengganggu gugat keharmonian kaum serta kestabilan dan keamanan negara. Tindakan seperti memuat naik gambar, video sensitif dan seumpamanya yang melangkaui aspek 3R melalui penyebaran berita palsu, berkecenderungan menghasut atau ugutan yang boleh menyebabkan kegertaran awam khususnya melalui platform media sosial dilihat semakin membimbangkan. Sikap dan tingkah laku seperti ini menuntut kita menilai semula ikrar Rukun Negara yang sering kita lafazkan sejak di bangku sekolah. Sejauh manakah kita menghayati setiap prinsip yang dilafazkan?

Sejujurnya, sudah tiba masanya seluruh rakyat Malaysia memperbaharui ikrar Rukun Negara. Hal ini boleh dilakukan dengan cara kita menghayati semangat dan roh yang dibawa oleh Rukun Negara. Ironinya, sejak zaman sekolah lagi kita diminta untuk membaca dan mengikrarkan Rukun Negara termasuklah Rukun Negara yang dicetak di bahagian belakang buku tulis sekolah. Mengambil kira sikap generasi sekarang

yang lebih cenderung untuk mengupas sesuatu isu itu dalam konteks agama dan bangsa, mempertikai perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan serta tidak menghormati institusi diraja, kita boleh merumuskan bahawa masih banyak pihak yang gagal untuk menghayati semangat dan roh yang dibawa oleh Rukun Negara.

Percayalah bahawa Rukun Negara masih boleh menjadi formula dan mantera terbaik untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan anggota masyarakat kita dengan syarat kita menghayati sepenuhnya semangat dan roh yang dibawa oleh Rukun Negara ini sebagai ideologi kebangsaan dan panduan hidup rakyat Malaysia.

Marilah kita meneliti semula kelima-lima prinsip Rukun Negara sebagai peringatan bersama-sama. Prinsip pertama, Kepercayaan kepada Tuhan menzahirkan keperluan untuk kita berpegang teguh pada agama masing-masing. Walaupun Islam ialah agama bagi Persekutuan, namun kita tidak pernah menghalang anutan dan amalan agama lain selagi tidak mengganggu urusan Islam. Maka itu, janganlah ada yang melakukan tindakan seperti menghina Islam mahupun agama lain kerana kita perlu saling hormat-menghormati kepercayaan orang lain. Pada hakikatnya, insiden seperti seorang peniaga pakaian didakwa di Mahkamah Seksyen Johor Bahru pada bulan Jun lalu atas 10 pertuduhan membuat hantaran menghina Allah SWT, nabi dan Islam dalam laman sosial Facebook tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat kita.

Prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara boleh dikupas dalam dua aspek, iaitu kesetiaan kepada raja dan juga kesetiaan kepada negara walaupun secara prinsipnya kita berharap individu yang setia kepada raja juga secara automatik setia kepada negara dan sebaliknya tetapi harapan yang ideal itu jarang berlaku mutakhir ini. Hal ini demikian kerana sekarang kita dapat melihat tingkah laku sekelompok anggota masyarakat yang tidak kisah musibah yang berlaku kepada negara malah boleh mengaibkan nama dan imej negara di luar negara. Mereka yang tidak berpuas hati dengan sesuatu isu di negara ini dengan mudahnya membawa keluar isu ini dan memburukkan nama negara di mata dunia. Senario seperti ini memberikan gambaran betapa kelompok ini gagal untuk menghayati keperluan untuk taat dan setia kepada negara tumpahnya darah kita. Hal ini merupakan suatu defisit patriotisme yang sedang melanda anggota masyarakat dan perlu ditangani dengan segera.



Lebih memburukkan keadaan lagi apabila ada yang mula menyentuh institusi diraja yang merupakan lambang dan payung kedaulatan negara ini. Misalnya, ada pihak yang masih mempertikaikan hak keistimewaan Raja-raja Melayu serta ada juga yang sanggup menghina dan mengeluarkan pelbagai kenyataan jelik dalam media sosial. Perbuatan seperti ini sekali lagi menunjukkan bahawa ada rakyat yang tidak memahami keperluan untuk taat kepada raja mahupun Perlembagaan dan Rukun Negara secara keseluruhannya.

Prinsip ketiga, Keluhuran Perlembagaan memberikan penekanan kepada keperluan untuk menjunjung tinggi dan menghormati Perlembagaan Persekutuan. Jelaslah bahawa Rukun Negara meletakkan Perlembagaan pada kedudukan yang cukup tinggi kerana boleh bertindak sebagai pelindung dan panduan hidup kepada rakyat. Seterusnya ialah Kedaulatan Undang-undang. Kita perlu sedar betapa setiap undang-undang yang dibuat pastinya bersebab dan ada justifikasi yang kukuh kerana tidak dibuat secara semberono atau dengan niat untuk menzalimi mana-mana pihak. Mungkin benar ada undang-undang yang telah lapuk yang sudah kurang sesuai dengan peredaran zaman yang memerlukan semakan dan penambahbaikan namun itu tidak bermaksud kita boleh membelakangkan undang-undang tersebut sebegitu sahaja. Oleh itu, sebagai warga yang bertanggungjawab kita perlu sentiasa patuh dan menjunjung kedaulatan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan supaya kehidupan kita lebih aman dan selamat.

Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan pula dilihat sebagai antara isu yang paling kritikal pada zaman sekarang. Jika kita meneliti pelbagai insiden yang berlaku dalam negara membabitkan tingkah laku individu mahupun kumpulan, baik secara nyata mahupun dalam media sosial, kita diberi gambaran yang menunjukkan seolah-olah anggota masyarakat semakin lemah dari segi kekuatan jati diri serta nilai kesopanan dan kesusilaan. Maka itu, adalah perlu untuk menerapkan budaya menghayati dan menghormati Rukun

Negara supaya isu kecelaruan sosial dan identiti sesetengah pihak dapat ditangani dengan baik.

Melangkah ke hadapan, sebagai inisiatif dan langkah pencegahan terhadap pelbagai isu

yang timbul, usaha untuk memperkukuh pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara terutamanya dalam kalangan generasi muda perlu diketengahkan. Sebagai generasi masa hadapan, kelompok ini bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara perpaduan kaum yang menjadi asas pembentukan dan kejayaan negara ini.

Sebagai penambahbaikan, hal ini perlu dilakukan untuk semua pelajar sekolah, baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah termasuklah untuk golongan mahasiswa supaya mereka sentiasa menghayati setiap prinsip Rukun Negara. Harus diingatkan bahawa kelompok remaja dan belia ini perlu disedarkan secara konsisten bahawa setiap satu daripada prinsip Rukun Negara itu cukup ideal dan saling melengkapi kehidupan masyarakat majmuk di negara ini kerana lima prinsip inilah yang menjadi formula ajaib dan mujarab sehingga berjaya menyatukan semua lapisan rakyat tanpa kira agama dan bangsa. Pihak kerajaan dan semua pemegang taruh perlu memikirkan secara serius mengenai perkara ini demi memastikan anak muda di negara ini tidak lupa sejarah. Mereka perlu sentiasa beringat bahawa ideologi kebangsaan ini tercetus selepas tragedi dan sejarah hitam peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang menggoncang negara ini.

Secara umumnya, setiap rakyat negara ini perlu menghormati dan menghayati lima prinsip Rukun Negara ini kerana mampu mendidik kita untuk menjadi manusia yang memiliki budi pekerti yang mulia sekali gus menjadi warganegara yang sopan santun, taat setia dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Oleh itu, marilah kita memperbaharui ikrar Rukun Negara supaya terus subur dalam jiwa dan sanubari kita serta menjadi panduan dan pelengkap hidup kepada masyarakat majmuk di negara ini, sekali gus membuka laluan kepada pembentukan masyarakat MADANI seperti yang dihasratkan oleh pucuk pemimpin negara. □

Penulis, Timbalan Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia.